

12/02/2003

Gerbang Selatan Bersepadu ubah senario Selat Tebrau

Ahmad Ghazali Musa

APABILA mendengar lagu lama berkaitan Tambak Johor dan Tanjung Puteri, gambaran yang diberi cukup indah dan menarik. Ini kerana suasana ketika lirik lagu itu dicipta, keadaan persekitaran Tambak Johor dan Tanjung Puteri harmoni, damai dan tenang - sesuai dijadikan tempat bersantai rakyat jelata.

Mengikuti catatan sejarah, Tambak Johor dirancang pembinaannya pada 1892 selaras pembinaan landasan kereta api ketika zaman penjajahan British. Cadangan itu dikemukakan kepada Almarhum Sultan Abu Bakar, tetapi tidak mendapat sambutan kerajaan negeri.

Bagaimanapun, Kerajaan Johor kemudian bersetuju dan membiayai sebahagian kos pembinaan setelah perkhidmatan feri dari Johor Bahru ke Singapura tidak mampu menampung kenderaan yang bertambah.

Kerja pembinaan Tambak Johor bermula pada 1923 dengan kos STG400,000 dan siap dibina pada 18 Jun 1924. Sejak itu Tambak Johor diguna sebagai penghubung kedua-dua negara.

Bagaimanapun, pembangunan pesat sekitar Tambak Johor dan Tanjung Puteri banyak mengubah lanskapnya, termasuk Flat Bukit Cagar dan Lumba Kuda yang menjadi antara mercu tanda di sekitar kawasan itu.

Begitu juga kerja menaik taraf stesen Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) di Tambak Johor dan Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (KIK) turut membawa perubahan besar terhadap pembangunan di Tambak Johor.

Kemudahan yang dibangun puluhan tahun yang lampau itu sudah semakin uzur. Walaupun sudah dinaik taraf, ia masih tidak mampu menampung kapasiti penduduk yang semakin meningkat.

Flat berusia puluhan tahun itu juga semakin uzur dengan kawasan sekitarnya kotor dan sistem perparitan tersumbat, sampah sarap berselerak dan sering pula berlaku banjir kilat sebagai memperlihatkan satu kawasan lesu dan muram.

Keadaannya juga sesak. Suasana menyebabkan imej Tambak Johor dan persekitaran Tanjung Puteri sebagai pintu masuk strategik di selatan tanah air sedikit tercalar, sekali gus tidak memberi gambaran tepat seperti lirik lagu Melayu lama berkaitan Tambak Johor dan Tanjung Puteri.

Begitu juga keadaan persekitaran tambak yang sebenarnya mempunyai daya tarikan tersendiri jika kedudukan lanskapnya diolah secara bijaksana bagi menampilkan keunikannya tersendiri.

Wajah stesen dan landasan KTMB yang sudah begitu banyak berjasa sebagai sistem pengangkutan rakyat kedua-dua negara berjiran sejak puluhan tahun lampau juga semakin lesu dan muram.

Keadaan sesak yang sering berlaku di laluan Tambak Johor turut memberi imej kurang menyenangkan terhadap laluan darat berusia 79 tahun itu sebagai pintu masuk utama antarabangsa di kalangan jutaan pelancong asing.

Apa yang boleh dilakukan bagi menangani masalah itu ialah proses pembangunan semula keseluruhan kawasan terbabit secara terancang, sekali gus mampu menampilkan imej dan kehidupan berkualiti dan selesa di bandar raya.

Perubahan besar dan drastik sudah mula dilaksana bagi mengubah lanskap kawasan strategik itu menerusi projek Kerajaan Pusat yang dikenali Gerbang Selatan Bersepadu (GSB) bernilai kira-kira RM2 bilion, termasuk membina jambatan baru bagi menggantikan tambak di sebelah Malaysia walaupun tidak mendapat kerjasama Singapura.

Inisiatif itu diambil supaya satu daya tarikan baru dapat diwujudkan

agar berupaya mengubah wajah dan imej keseluruhan bandar raya Johor Bahru supaya warganya mempunyai kehidupan berkualiti dan selesa, sesuai dengan tarafnya sebagai sebuah kota raya besar yang sedang pesat membangun.

Projek GSB dilaksanakan Konsortium Gerbang Perdana membabitkan Merong Mahawangsa Sdn Bhd - anak syarikat Ibex Corp Amalgamated Sdn Bhd (memegang ekuiti 60 peratus), Diversified Resources Bhd (20 peratus) dan Detik Nagasari Sdn Bhd, anak syarikat Transwater Corp Bhd (20 peratus).

Konsortium yang dilantik menerima konsesi selama 33 tahun daripada Kerajaan Pusat bagi mereka bentuk, kewangan, pembinaan, operasi dan memindahkan teknologi moden terhadap keseluruhan projek mega GSB berkenaan.

Projek itu membabitkan kawasan pembinaan seluas kira-kira 32.65 hektar yang 15.83 hektar daripadanya adalah tanah milik kerajaan negeri membabitkan komponen seperti Kompleks KIK, menaik taraf stesen kereta api Johor Bahru, jambatan bagi kegunaan kenderaan dan jambatan bagi kegunaan KTMB.

Ia dijadualkan siap sepenuhnya menjelang Disember 2005 dan boleh digunakan mulai Januari 2006. Kompleks KIK sedia ada pula akan dirobohkan menjelang Oktober 2006.

Pelaksanaan projek GSB bakal memperlihatkan reka bentuk moden dan bercirikan Islam sejajar imej Malaysia selaku sebuah negara Islam moden yang pastinya memukau jutaan pelancong yang akan menggunakan laluan itu.

Projek itu turut merangkumi reka bentuk jambatan sepanjang 1.5 kilometer yang menggunakan kaedah single pylon dan sebuah jambatan menggunakan kaedah swing bridge akan dibina untuk kegunaan KTMB.

Mengikut perancangannya, Tambak Johor akan diroboh dan diganti dengan jambatan lebih moden menjelang 2007.

Flat Lumba Kuda dan Bukit Cagar juga akan diroboh, manakala stesen dan landasan kereta api akan berwajah baru dengan ciri pengangkutan lebih selesa dan moden.

Dalam kesibukan merancang dan menyusun atur lanskap kawasan itu, lebih 9,000 penghuni asal yang menyewa flat Lumba Kuda dan Bukit Cagar tidak dipinggirkan dari arus pembangunan perdana itu.

Penghuni kedua-dua flat terbabit bakal menikmati kehidupan lebih selesa di bandar raya menerusi pembangunan rumah rakyat di kawasan terbabit yang akan ditawarkan kepada mereka apabila siap sepenuhnya kelak.

Pendek kata, kemudahan berprestij di kawasan itu sesuai dengan fungsi besarnya sebagai pintu masuk utama antarabangsa di Selatan.

Ia sekali gus mencerminkan kualiti hidup warga bandar raya yang mampu menggarap nilai moden berasaskan kehidupan zaman teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Perubahan besar di Tambak Johor dan persekitaran Tanjung Puteri bakal melakar satu lagi catatan sejarah penting sebagai laluan darat dan pintu masuk jutaan pelancong asing ke Johor dan Malaysia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dijadualkan hadir pada majlis muhibah bersama rakyat di Flet Bukit Cagar, Jumaat ini, bagi pelancaran upacara pecah tanah meliputi pembinaan perumahan rakyat untuk menempatkan semula penghuni Flet Lumba Kuda dan Bukit Cagar.

Kesanggupan Dr Mahathir meraikan detik bersejarah itu bersama penghuni flat dan warga Johor Bahru adalah pengiktirafan terhadap sumbangan warga bandar raya yang memberi laluan kepada projek strategik yang ada kepentingan besar kepada negara dan rakyat.

Dalam lawatannya ke Bukit Cagar awal tahun lalu, Perdana Menteri berkata, projek itu akan menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas di kompleks KIK di Tambak Johor yang mencapai tahap tidak boleh diterima lagi.

Beliau menjamin pelaksanaan projek itu tidak akan menggadaikan sama